

KPM perhalusi pelaksanaan PdPR

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa memperhalusi dan meneiti kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara norma baharu bagi memastikan semua pihak terutama pelajar mendapat manfaat penuh.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Operasi Sekolah), Datuk Adzman Talib, berkata PdPR membabitkan hampir lima juta pelajar dan 500,000 guru wajar dilakukan secara terbaik.

"Sebenarnya, untuk menutup sekolah dan melaksana PdPR ini adalah perkara sukar dan keputusan amat berat dilakukan KPM. Seharusnya pelajar berada di sekolah melaksana pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dengan guru mereka.

"Itu kebiasaan dilakukan dan mereka (pelajar) cukup selesa dengan keadaan itu, tetapi datangnya cabaran COVID-19, guru perlu bersedia melaksana PdPR dengan mematuhi garis panduan dan SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Selamat Pagi Malaysia (SPM) disiarkan Radio Televis-

yen Malaysia (RTM) secara langsung, semalam.

Mengenai perbezaan manual garis panduan pengurusan dan pengoperasian sekolah norma baharu dikeluarkan masing-masing pada 5 Oktober 2020 dan 9 Februari lalu, Adzman berkata, manual baharu 2.0 lebih komprehensif dan menyeluruh, merangkumi aspek peperiksaan, kurikulum dan keselamatan.

"Garis panduan 2.0 itu dieluarkan melalui perbincangan komprehensif dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita perjelas lagi beberapa perkara menerusi manual baharu itu termasuk keselamatan guru, pelajar dan warga sekolah. Bagaimana kita mahu mempertingkatkan segala SOP sepenuhnya dalam keadaan lebih ketat dan kaedah mahu kendali individu dikenal pasti positif COVID-19, semua perkara ini di perhalusi," katanya.

Sementara itu, Adzman berkata, guru yang mengambil tindakan proaktif menghantar bahan bacaan ke rumah pelajar membabitkan golongan luar bandar.



Kita perjelas lagi beberapa perkara menerusi manual baharu itu termasuk keselamatan guru, pelajar dan warga sekolah.

Adzman Talib,
Timbalan Ketua Pengarah
Pelajaran (Sektor Operasi
Sekolah)

dalam memastikan kaedah PdPR dilaksana secara lebih menyeluruh dan berkesan terutama bacaan ke rumah pelajar menunjukkan komitmen tinggi

"Ada kekangan terhadap pelaksanaan PdPR, namun KPM sentiasa mewujudkan alternatif bagi membantu pelajar. PdPR dilaksana dalam pelbagai konteks, ada kekangan kerana ia memerlukan peranti dan kemudahan internet.

"Namun, kekangan ini tidak membataskan murid dalam PdPR kerana ia juga termasuk kaedah *offline*. Bahan bacaan boleh dihantar menerusi mesej di telefon bimbit, juga boleh disebarluaskan guru dan pelajar boleh mengambilnya secara manual di sekolah, malah ada guru hantar bahan bacaan di rumah pelajar mereka," katanya.

Beliau turut mengingatkan peranan ibu bapa yang penting dalam memastikan pelajar bebas jangkitan COVID-19 dan sihat sepenuhnya sebelum kembali ke sekolah nanti.

"Dalam hal ini, aspek keselamatan dan kesihatan menjadi keutamaan dan perkara ini diletakkan dalam garis panduan sedia ada. Ibu bapa perlu jujur isytihar anak sihat 100 peratus sebelum benarkan mereka ke sekolah apabila ia dibenarkan kembali dibuka nanti," katanya.